

# Tambahan RM21.1j baiki cerun runtuh di Batang Kali

**Shah Alam:** Kerajaan Selangor bersetuju menambah peruntukan RM21.1 juta bagi membaiki cerun berikutan hasil laporan bencana tanah runtuh Batang Kali yang dibentangkan kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN).

Menteri Besar, Datuk Seri Amirudin Shari dalam kenyataan khas berhubung keputusan terkini kerajaan negeri semalam berkata, penambahan peruntukan bagi membaiki cerun itu adalah hasil cadangan daripada Jabatan Kerja Raya (JKR).

Katanya, garis panduan berhubung aktiviti perniagaan serta tapak perkhemahan akan diusahakan sama antara kerajaan negeri dan pihak berkuasa tempatan untuk meningkatkan keselamatan warga Selangor yang menjalankan aktiviti berkenaan.

Media sebelum ini melaporkan tanah runtuh di tapak perkhemahan Father's Organic Farm di Batang Kali pada 16 Disember lalu membabitkan runtuhan sepanjang hampir 300 meter (m) dan setinggi 70m di laluan B66 Jalan Batang Kali-Genting Hulu Selangor.

Dalam perkembangan lain, Amirudin berkata, kerja pengukuhan tebing di kawasan di Bukit Permai Fasa 2 di Ampang, dekat sini juga sedang dilaksanakan sementara menanti laporan penuh analisis dari Pejabat Daerah dan Tanah Hulu Langat siap.

Dalam isu lain, Amirudin berkata, penerima Program Skim Mesra Usia Emas layak memohon bantuan Baucar Jom Shopping Perayaan berikutan kos sara hidup yang tinggi.

BERNAMA